

# Kerajaan belanja RM1 bilion bayar bonus

Oleh Kadir Dikoh dan  
Yooga Rani Murugiah

KUALA LUMPUR, Ahad - Pemberian bonus sebulan gaji atau minimum RM1,200 kepada 960,000 kakitangan awam seperti diumumkan dalam Bajet 2003, dijangka membabitkan perbelanjaan tambahan kerajaan lebih RM1 bilion.

Timbalan Menteri Kewangan, Datuk Chan Kong Choy, berkata kesediaan kerajaan membayar bonus itu menunjukkan timbang rasa dan komitmennya kepada kakitangan awam di negara ini.

Katanya, walaupun jumlah keseluruhan perbelanjaan meningkat 9.2 peratus dan tidak ada penambahan cukai sedia ada atau pengenalan cukai baru, beliau yakin beberapa dasar yang diumumkan dalam bajet itu dapat meningkatkan ekonomi.

"Jadi Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) dan Jabatan Kastam dan Eksais Diraja perlu berusaha memastikan kutipan cukai yang mencukupi," katanya selepas merasmikan pameran The Master Art Collection di sini, hari ini.

Bajet 2003 menyediakan peruntukan RM109.8 bilion, meningkat 9.2 peratus berbanding 2002. Daripada jumlah itu, RM72.84 bilion ialah untuk perbelanjaan mengurus, manakala RM36.96 bilion perbelanjaan pembangunan.

Dengan perolehan negara dijangka berjumlah RM89.79 bilion, akaun keseluruhan Kerajaan Persekutuan dijangka mencatat defisit 3.9 peratus daripada KDNK, susut berbanding 4.7 peratus yang dicatatkan pada 2002.

Sementara itu, Kongres Kesatuan Pekerja Dalam Perkhidmatan Awam (Cuepacs) mengharap bonus kakitangan awam dibayar sebelum Aidilfitri pada Disember ini.

Presidennya, Datuk N Siva Subramaniam berkata, setakat ini pekeling mengenai tarikh pemberian bonus itu belum dikeluarkan.

## LIHAT MUKA 2

# Harapan bonus dibayar sebelum Hari Raya

## DARI MUKA 1

"Tetapi kami berharap pembayarannya dibuat sebelum Hari Raya seperti juga tahun lalu," katanya kepada *Berita Harian*.

Ketua Setiausaha Negara Tan Sri Samsudin Osman ketika dihubungi pula berkata, pihaknya belum memutuskan bila pembayaran bonus itu dibuat.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ketika membentangkan Bajet 2003 Jumaat lalu, mengumumkan pembayaran bonus sebulan gaji atau minimum RM1,200 tetapi tidak menyatakan bila bayaran itu dibuat.

Sebaliknya, Perdana Menteri membayangkan kemungkinan bonus itu dibayar sebelum Hari Raya apabila menyatakan: "Saya berharap wang ini dapat mengurangkan beban, terutama kepada mereka yang bergaji rendah untuk perbelanjaan hari perayaan dan sekolah anak-anak."

Pada Bajet 2002, kerajaan memberikan bonus setengah bulan gaji atau sekurang-kurangnya RM1,000 kepada kakitangan sektor awam selain kenaikan gaji pokok 10 peratus mulai Ja-

nuari lalu.

Siva berkata, bagi kakitangan awam, pemberian bonus itu penting untuk menyara kehidupan keluarga dan mereka mengharapkannya untuk perbelanjaan sekolah anak-anak dan perayaan.

"Dua perkara ini amat perlu. Bagaimanapun, terpuang kepada kerajaan sama ada membayar sekali gus atau berperingkat. Kalau dibayar RM1,000 sekali gus, kita kkuatir wang itu habis cepat dan digunakan untuk tujuan lain.

"Kalau berjimat tak apa. Jika dibayar sekali gus, sebelum Hari Raya duit dah habis. Biasanya pembayaran berperingkat juga membantu menyelesaikan masalah secara beransur-ansur," katanya.

Beliau berkata, bagi kakitangan kumpulan sokongan bergaji RM600, mereka mendapat dua bulan bonus apabila mendapat minimum RM1,200.

Siva mengucapkan terima kasih kepada kerajaan kerana prihatin dengan memberi bonus yang paling tinggi dibayar kepada mereka sejak enam tahun lalu.